

Info Cili



1. Nama Biasa	Cili merah, cili hijau, cili, lada atau cabai	
2. Nama Saintifik	<i>Capsicum annum</i>	
3. Keperluan Asas	3.1 Faktor Iklim	Suhu optimum 20°C- 30°C taburan hujan di antara 1500 mm – 2500 mm sebulan
	3.2 Faktor Tanah	Toleran terhadap kebanyakan jenis tanah termasuk tanah gambut dan tanah pasir.

Faktor-faktor Tanah dan Kesesuaian Untuk Tanaman Cili

sifat tanah	Kesesuaian untuk tanaman cili	
	Sesuai	Tidak Sesuai
Kecerunan	0 - 6 darjah	6 - 20 darjah
Saliran	Tak sempurna salir-salir	kurang salir dan agak sangat salir kesangat salir
Kedalaman tanah berkesan	> 25 cm	-
Tekstur dan struktur	Selain dari pasir tak berstruktur dan lempung	Pasir tak berstruktur dan lempung
Kedalaman lapisan asid sulfat	>50 cm	0 - 50 cm
Kemasinan	< 1 mmhos	1 -2 mmhos
Ketebalan gambut	tiada halangan	-
kandungan batu	tiada halangan batu di permukaan 25 cm	< 25%, jika tersebar sama rata
Ketidakseimbangan nutrient	Tiada nutrient mikro berlebihan atau CEC rendah	CEC rendah

4. Amalan Kultur

4.1 Program Kerja

Jadual: Program Kerja Sehektar Tanaman Cili

Umur (HLT)	Gerak kerja	Input		Catatan
		Bahan	Kadar	
-46*	Penyediaan semaian (untuk anggaran 10000 pk)	a) kotak semaian	70	saiz: 60 cm x 60cm(144 pk.sekotak, jarak tanaman 5cm x 5cm)
		b) beg plastik	10000	saiz: 7.6 cm x 1cm
		c) batas	5	1m x 5m x 0.2cm
		d) netting	1 gulung	
-40*	Rawatan biji benih dan menyemai	Captan	1.5g/1000g benih	Benih ditanam sedalam 1.0 cm Jarak: 5cm x 5cm
		Biji benih	300 - 400g	
- 30*	Menyembur baja daun di tapak semaian	Baja foliar	Mengikut syor pada label	Menyembur seminggu sekali sehingga mengubah ke ladang
- 26*	Kawalan penyakit & perosak di tapak semaian	Chlorpyrifos	mengikut syor pada label	Sembur apabila perlu
-16*	Pembersihan kawasan	Trektor	-	-
-7*	Penyediaan batas dan menutup batas dengan plastik	trektor	40 gulung "silver shine"	
	Pengapuran, membajak	GML	2.5 tan	kadar untuk tanah mineral
	Membekal bahan organik	Tahi ayam	5 tan/ha	kadar untuk tanah mineral
0	Mengubah	Anak pokok	-	Jarak tanaman: 0.9m x 1.5m
10	Menyulam dan penjarangan	Biji benih	Mengikut keperluan	Kereh 5 - 10% pokok untuk sulaman. Sekiranya benih tidak bercambah, sulaman perlu dibuat. Tinggalkan 1-2 pokok bagi setiap lubang penanaman. Buang pokok yang berpenyakit.
13	Kawalan penyakit	Racun kulat dan	Mengikut syor	Kawalan pencegahan

	perosak	serangga	label	
14	Pembajaan tambahan I	NPK 12:12:17:2	300 kg/ha	Baja ditabur keliling pokok. Kadar untuk tanah mineral
17	Kawalan perosak	Racun	mengikut syor label	-
22	Kawalan rumput dan membaiki batas	Racun/manual	Mengikut syor label	Racun keliling/ antara batas, dan menambak tanah
24	Kawalan musuh dan penyakit	Racun kimia	Mengikut syor label	Kawalan pencegahan jika perlu
30	Menyedia sokongan	Kayu atau tali rafia	-	-
32	Kawalan musuh dan penyakit	racun kimia	Mengikut syor label	Kawalan pencegahan jika perlu
40	Kawalan musuh dan penyakit	Racun kimia	Mengikut syor label	Kawalan pencegahan jika perlu
48	Kawalan musuh dan penyakit	Racun kimia	Mengikut syor label	Kawalan pencegahan jika perlu
56	Pembajaan tambahan II	NPK 12:12:17:2	600 kg	Baja ditabur keliling pokok. Kadar untuk tanah mineral
	Kawalan musuh dan penyakit	Racun kimia	Mengikut syor pada label	Kawalan pencegahan jika perlu
60 - 75	Hasil mula dipungut dan kutipan sehingga pokok berumur 6 bulan	Bakul buluh	-	-
76	kawalan musuh dan penyakit dan seterusnya jika perlu	Racun kimia	Mengikut syor pada label	Kawalan pencegahan jika perlu
98	Pembajaan tambahan III	NPK 12:12:17:2	600 kg	Baja ditabur keliling pokok. Kadar untuk tanah mineral

4.2 Penyediaan anak benih

- Semaian batas
- Batas berukuran 1 m lebar, 15cm tinggi dan panjang mengikut ukuran yang dikehendaki dengan menggunakan tanah campuran 7:3:2 (tanah:bahan organik:pasir)
- Semaian biji benih sedalam 0.5 cm dalam jalur berjarak 5cm. Kemudian tabur tanah kering yang halus sepanjang jalur untuk menutup biji benih. Selepas itu siram batas dan dirikan teduhan plastik yang lutsinar (Gambarajah 1). Jarangkan anak pokok (5

		cm antara pokok) 10-14 hari selepas menyemai. • Semaian polibeg • Polibeg berukuran 12 cm x 20cm x 0.1 mm diisi dengan tanah campuran. Tanam 2-3 biji benih sedalam 0.5 cm. Penjarangan dijalankan apabila anak benih mempunyai 2-3 helai daun. Tinggalkan satu pokok setiap polibeg. Letak polibeg di tempat teduh yang didirikan daripada plastik tembus cahaya dan jaring kalis serangga. • Semaian kotak • cara ini menggunakan bekas-bekas semaian untuk membesarkan anak benih. Bekas semaian yang digunakan hendaklah mempunyai lubang untuk pengaliran air yang berlebihan di bahagian bawahnya. Di antara kotak semaian yang sesuai termasuklah pasu kertas dan kotak semaian plastik berbilang sel. • Kaedah semaian kotak memudahkan proses pengubahan anak benih dengan jentera. Untuk tujuan itu campuran tanah yang sesuai hendaklah digunakan iaitu campuran sama banyak(isipadu) di antara tanah atas dan sekam padi bakar. • Biji benih disemai di dalam kotak semaian sedalam 6-12 mm. Kotak-kotak semaian diatur di atas meja panjang di dalam bangsal semaian. Bangsal ditutup dengan kepingan plastik untuk melindungi benih dari hujan lebat. Manakala dinding bangsal ditutup dengan jaring untuk menghindar kemasukan serangga. Pengairan dilakukan dengan menyiram atau sistem pengairan renjis.
	4.3 Penyediaan kawasan	• Pembersihan kawasan menggunakan jentera atau tenaga manusia • Pokok - pokok yang telah ditebang dilonggokkan dan dimusnahkan. • Kawasan yang telah dibersihkan hendaklah dibajak • Batas dibuat selebar 1.2m dan tinggi 20-30cm • Secara umumnya, 20-25 t/ha kapur diperlukan bagi tanah

		gambut atau kawasan baru, 2-3t/ha tanah pasir dan 3-4 t/ha bagi tanah mineral.
	4.4 Penanaman di Ladang	- Anak benih ditanam ke ladang selepas 6 minggu di tapak samaian dengan memilih anak benih yang subur dan sihat sahaja. - Jarak tanaman yang disyorkan ialah 90 cm x 120 cm secara sebaris.
	4.5 Menyulam/ Menyediakan sokongan	1 minggu selepas menanam, anak benih yang mati atau kurang sihat perlu di sulam. 1 bulan selepas ditanam di ladang, sokong anak pokok dengan pancang kayu atau buluh untuk mengelakkan pokok tumbang.
	4.6 Pembajaan	

Program Pembajaan Tanaman cili

Jenis tanah	Baja			
	Jenis Baja	Kadar (tan/ha/mu sim)	Masa membaja (minggu lepas tanam)	Cara
I. BRIS:				
1. Rudua	Tahi ayam NPK 12:12:17:2	10 2.0	-1* 2, 8 dan 14	Gaul dalam tanah Keliling pokok
2. Baging	Tahi ayam NPK 12:12:17:2	30 3.0	-1* 2, 8 dan 14	Gaul dalam tanah Keliling pokok
II. Bekas lombong				
1. pasir	Tahi ayam NPK 12:12:17:2	20 3.0	-1*	Gaul dalam tanah Keliling pokok
III. Gambut	NPK 12:12:17:2	2.0	2,8 dan 14	Keliling pokok
IV. Mineral	Tahi ayam NPK 12:12:17:2	5 1.5	-1*	Gaul dalam tanah Keliling pokok

nota: * satu minggu sebelum menanam

	4.7 Pengurusan air	- Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram atau menggunakan sistem pengairan renjis. - Keperluan air harian adalah 3.5 liter untuk pokok
--	--------------------	--

		matang. • Perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran, di mana parit ladang dibina untuk menyalirkan air berlebihan ke parit utama.
5. Penggredan		• Penggredan cili dibuat secara subjektif berdasarkan warna, saiz, kesegaran, tahap kecederaan mekanik dan serangan serangga perosak atau penyakit.
6.. Aliran Kewangan (Cash Flow) (xls, 24.5 KB)		

Anggaran Kos Pengeluaran Cili/ha/musim Pada Tahun 2009

Jarak Penanaman : 0.9 m x 1.2 m
 Kepadatan : 8,750 pokok
 Masa memungut hasil : 9 minggu selepas penanaman di ladang

Pekara		Kuantiti		Harga(RM) / unit	Nilai kos (RM)
A.	Pendapatan Kasar	15,000	kg	6.4 /kg	96,000.00
B	Kos				
I	Kos Berubah				
	Bahan-bahan Input				
1	Benih	0.5	kg	150 / kg	75.00
2	Baja				
	a. Kapur	2.5	tan	200 / tan	500.00
	b. Tahi ayam	5	tan	300 / tan	1,500.00
	c. NPK 12:12:17:2	1.5	tan	3,600 / tan	5,400.00
	d. NPK 15:15:15	0.5	tan	3,000 /tan	1,500.00
	e. MOP	0.5	tan	3,600 /tan	1,800.00
3	Semaian				
	a. Media semaian@16 dulang semaian/beg	7	beg	28 / beg	196.00
	b. Dulang semaian**@RM3/unit	115	unit	3 / unit	345.00
4	Racun kimia				
	a. Racun serangga dan kulat	10	liter	90 / liter	900.00
	b. Racun rumputai(Glufosinate-ammonium)	20	liter	45 / liter	900.00
5	Bahan lain				
	a. Tali rafia	10	gulung	7 gulung	70.00
	b. kayu penyokong	22	batang	70 batang	1,540.00
	c. Plastik lutsinar	160	gulung	110 gulung	17,600.00
	d. Bakul rotan				480.00
6	kontigensi 10% jumlah kos				154.00
Jumlah Kecil I					32,960.00
II	Kos Tenaga Kerja				
1	Penyediaan tanah dan batas		Kontrak		1,000.00
2	Semaian benih	25	t.h.	30 /th	750.00
3	Menanam/menyulam	10	t.h.	30 /th	300.00
4	Menyiram	10	t.h.	30 /th	300.00
5	Mengawal rumputai	17	t.h.	30 /th	510.00
6	Mengawal serangga dan penyakit	12	t.h.	30 /th	360.00
7	Membaja	30	t.h.	30 /th	900.00
8	Memasang penyokong	2	t.h.	30 /th	60.00
9	Memungut hasil	180	t.h.	30 /th	5,400.00
Jumlah Kecil II					9,580.00
III	Kos Tetap				
1	Cukai tanah	5.5	bulan	42 /ha/bln	231.00
2	Susut nilai alatan pengairan	5.5	bulan	33 /bulan	181.50
3	Bahan Api				
	a. Diesel	300	liter	1.8 liter	540.00
	b. Minyak pelincir / alatan	12	liter	15 liter	180.00
4	Pengairan titis	5,320	m		
Jumlah Kecil III					1,132.50
Jumlah Kos Berubah (I+II+III)					43,672.50
C.	Pendapatan				
1	Pendapatan Kasar				96,000.00
2	Jumlah kos pengeluaran				43,672.50
3	Pendapatan Bersih				52,327.50
4	Harga Pulang Modal (Kos/kg)				2.91
5	Nilai Bersih Kini (NPV)@10 %				\$47,570.45

Nota : * 5 tahun
 Musim penanaman 2 kali setahun
 ** 2 kali penggunaan